

18/06/2002

Budaya Melayu di Selatan Thailand mula terhakis

Azmi Abdul Malek

PENDUDUK Melayu Islam selatan Thailand memerlukan banyak buku bahasa Melayu bagi mendidik anak tempatan mempertahankan budaya Melayu di negara itu.

Kebanyakan pemimpin Islam negara berkenaan berpendapat cara itu dapat membantu generasi muda mengkaji dan menggunakan bahasa serta adat Melayu Nusantara yang sudah mula terhakis.

Jika usaha bersungguh-sungguh mempertahankan bahasa dan adat Melayu tidak dilakukan sudah pasti generasi muda akan melupakan tinggalan warisan nenek-moyang mereka yang tinggi nilainya itu.

Yang Dipertua Pusat Kebudayaan Sempadan Selatan, Tengku Ariffin Tengku Chik, berkata kebanyakan generasi baru keturunan Melayu yang tinggal di bandar di Selatan Thailand tidak memahami bahasa Melayu dan adat resam warisan nenek-moyang mereka.

Beliau berkata, sistem pendidikan negara itu yang mengutamakan pengantar bahasa Thailand di kelas menyebabkan keturunan Melayu di Wilayah Yala tidak faham atau fasih berbahasa Melayu.

"Ketika di rumah ahli keluarga mereka turut bertutur dalam bahasa Thailand yang menyebabkan bahasa Melayu mungkin pupus suatu masa nanti jika tidak dipelihara mulai sekarang," katanya ketika berucap di majlis silaturrahim antara pemimpin Islam Yala dan rombongan Umno bahagian Tambun di Yala, Thailand, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Tambun, Senator Faezah Abu Kasim; Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Yala, Ismail Hari; Presiden Persatuan Muslim Thailand, Rashidi Osman dan Pengarah Pusat Pendidikan Tidak Formal Yala, Tuan Abdullah Datuk Mulia.

Tengku Ariffin berkata, beberapa pemimpin masyarakat Melayu Selatan Thailand mengambil inisiatif mengembangkan penggunaan bahasa Melayu di sekolah agama yang dibina sendiri penduduk.

Beliau berkata, pelajar terbabit diajar mengenai bahasa dan adat resam Melayu serta penggunaan tulisan Jawi.

Beliau meminta jasa baik negara jiran seperti Malaysia menderma buku bahasa Melayu untuk pelajar sekolah agama mereka.

Beliau bimbang bahasa itu akan pupus tanpa bantuan daripada bangsa serumpun di Nusantara.

Tengku Ariffin berkata, negara itu mempunyai masalah bekalan buku yang ditulis dalam bahasa Melayu.

Beliau juga meminta universiti di Malaysia menawarkan pengajian bahasa Melayu secara percuma kepada pelajar cemerlang di peringkat sekolah di negara itu.

Setakat ini, katanya, hanya tiga peratus penduduk keturunan Melayu di negara itu belajar sehingga ke peringkat ijazah di universiti tempatan Thailand.

"Kebanyakan mereka hanya belajar sehingga peringkat menengah tinggi kerana tidak mampu membiayai pengajian selepas itu.

Sementara itu, Ketua Lembaga Pentadbiran Wilayah Yala, Datuk Abdul Aziz Hawan, berkata hubungan baik antara penduduk Islam Selatan Thailand dengan Malaysia boleh membantu mempercepatkan proses pembangunan masyarakat Melayu di wilayah berkenaan.

Beliau berkata, kehadiran pelancong Malaysia terutama keturunan Melayu ke negara itu dapat mengeratkan hubungan baik dengan penduduk setempat.

Setakat ini, lebih 70 peratus daripada 400,000 penduduk di Wilayah Yala

beragama Islam dari keturunan Melayu Kelantan dan Pattani, kagum dengan pencapaian akademik dan ekonomi masyarakat Melayu di Malaysia.

"Perjumpaan rasmi yang diatur dapat memberi motivasi dan pandangan baru bagaimana memajukan penduduk setempat," katanya.

Abdul Aziz berkata, usaha kerajaan Thailand memperbaiki kemudahan jalan raya di Narathiwat menuju Kelantan, boleh mengeratkan hubungan penduduk dua negara berkenaan.

"Kerajaan negara ini turut berusaha memajukan Wilayah Selatan dengan menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM100 juta.

"Kerajaan tempatan Yala turut menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM10 juta untuk pembangunan, khususnya dalam bidang pendidikan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan pusat negara itu sentiasa memberi kebebasan penduduk mengamalkan ajaran Islam dan kebudayaan Melayu kerana percaya cara berkenaan mampu mengekalkan perpaduan serta keharmonian rakyat.

"Kerajaan kini lebih terbuka dan sentiasa memberi peluang kepada rakyat Islam negara ini maju bersama kaum lain," katanya.

Sementara itu, Ketua rombongan Umno bahagian Tambun yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Manjoi, Nadzri Ismail, berkata hubungan dua hala antara Malaysia dan negara itu sentiasa diperbaiki kerana kebanyakan penduduk Selatan Thailand adalah serumpun dengan bangsa Melayu di dunia.

Beliau berkata, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sememangnya mahukan negara jiran maju kerana ia akan memberi manfaat kepada negara bersempadan.

"Saya yakin hubungan sedia ada memberi manfaat kepada kedua-dua negara untuk membangunkan rakyat masing-masing," katanya.

Nadzri berkata, rakyat Thailand masih boleh belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

(END)